

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kerajaan masih cari rakan kongsi bangunkan RazakSAT-2	BERNAMA
2.	Berfikiran global, perkukuh rangkaian	Berita Harian
3.	Malaysia berpotensi eksport produk perubatan Halal Belgium – Dr Helmi	BERNAMA
4.	BiotechCorp lahir usahawan bioekonomi	Utusan Malaysia
5.	BioNexus jana pelaburan lebih RM3.37 bilion	Utusan Malaysia
6.	BCF komersialkan produk Microwell Bio Solutions	Utusan Malaysia
7.	JHR Aquaculture kaji mutu baka ikan	Utusan Malaysia
8.	BioShoppe platform ke pasaran gloal	Utusan Malaysia
9.	KLAS Farm hasil bakan Boer tempatan	Utusan Malaysia
10.	Kolaborasi sekolah dan ibu bapa capai kecemerlangan – Raja Muda	BERNAMA
11.	CyberSecurity	The Star



K'jaan Masih Cari Rakan Kongsi Bangunkan RazakSAT-2

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Kerajaan masih mencari rakan kongsi yang sesuai dan berminat dalam projek pembinaan satelit penderiaan jauh (remote sensing) bagi memantau permukaan bumi iaitu RazakSAT-2.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi, Manusia Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kerajaan tidak mahu terburu-buru dalam mencari mereka yang boleh memberi manfaat kepada pembinaan satelit mini kedua Malaysia tersebut.

"Kita belum buat lagi keputusan. Kita tidak akan membazir (seperti satelit pertama).

"Orang kita pula masih lagi sedang belajar dan telah dihantar berkursus di dalam dan luar negara untuk mengkaji lebih mendalam mengenai program ini," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan 2015 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2015 peringkat kementeriannya di Dewan Rakyat Isnin.

RazakSAT-2 adalah kesinambungan Program Satelit RazakSAT yang dilancarkan pada 14 Julai 2009.

-- BERNAMA

Berfikiran global, perkukuh rangkaian

» Cara berniaga, ketahanan usahawan bukan Bumiputera jadikan contoh



Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Usahawan Bumiputera perlu berfikiran global dan terbuka untuk terus maju dalam perniagaan dan tidak boleh terus bergantung dan berharap dengan bantuan kerajaan semata mata.

Untuk mencapai kejayaan dalam bisnes juga bukan sesuatu yang mudah sebaliknya, usahawan perlu melalui jatuh bangun dalam perniagaan dan belajar daripada kegagalan sebelum berjaya menjadi usahawan cemerlang.

Dalam memperluaskan perniagaan perkara paling penting perlu dilakukan usahawan adalah membina rangkaian atau *networking* bagi memastikan perniagaan dapat berjalan dengan lancar.

Sambil terus memberi penekanan kepada kepentingan membina rangkaian atau *networking*, Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus berkata usahawan Bumiputera perlu menjadikan cara berniaga usahawan bukan Bumiputera sebagai contoh.

"Usahawan Bumiputera memang mempunyai jati diri untuk berkembang maju tetapi kalau kita hanya menjalin hubungan sesama kita saja, maka kita tidak akan ke mana.

"Kalau kita lihat cara usahawan bukan Bumiputera berniaga, mereka mempunyai rangkaian perniagaan yang luas dan tidak bergantung kepada kerajaan.

"Sebagai usahawan kita tidak boleh bergantung kepada status usahawan Bumiputera kerana kalau kita ke luar negara untuk memperluaskan perniagaan, orang luar tidak memandang status kita sebaliknya, kualiti produk yang kita hasilkan," katanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin (tengah) ketika penyerahan dana CDRF kepada syarikat pada majlis Pelancaran MOSTI Commercialisation Year di Shah Alam, Selangor.



Norhalim turut memberi contoh, untuk membangunkan sesuatu produk, usahawan yang mempunyai jaringan tidak mempunyai masalah kerana mampu mendapatkan bahan melalui rakan niaga mereka.

Dana kembang perniagaan

Sebagai sebuah badan yang menyediakan dana kepada usahawan yang mempunyai produk berasaskan teknologi, MTDC menyediakan dana buat usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka.



Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh (kanan) diiringi Norhalim melihat hasil R&D yang berjaya dikomersialkan selepas sidang majlis MTDC Technology Commercialisation Conference di Kuala Lumpur. (FOTO: NUR ADIBAH AHMAD/IZAM/BH)

Menurut Norhalim, MTDC tidak hanya melahirkan usahawan Bumiputera dengan memberi bantuan dana semata-mata sebaliknya, agensi ini turut memberi bimbingan kepada usahawan dan turut sama membantu membangunkan perniagaan mereka.

Malah, beliau turut mengambil contoh kemampuan MGV Industries Sdn Bhd yang dulunya dikenali sebagai Madura Industries Sdn Bhd mengembangkan perniagaannya untuk menjadi syarikat Bumiputera pertama mengeluarkan air jus *sparkling* sehingga ber-

nya menembusi pasaran antarabangsa.

Istimewanya *sparkling* yang dikeluarkan syarikat ini adalah menggunakan buah-buahan eksotik hasil jalinan kerjasama penyelidikan dan pembangunan bersama MARDI.

Dalam membangunkan produk itu, syarikat ini turut berdepan kekangan dalam mendapatkan modal, bagaimanapun dengan bantuan dana daripada MTDC ia mampu untuk kembali bernafas.

"Apa dilakukan oleh syarikat ini adalah satu contoh teknologi yang dibangunkan dalam bidang perniagaan makanan menghasilkan produk berkualiti dan diterima pada peringkat global.

Inovasi dan pasaran

"Untuk membangunkan produk berteknologi tidak semestinya ia berteknologi tinggi tetapi produk dihasilkan mesti mempunyai inovasi dan pasaran," katanya.

Usahawan perlu bersikap lebih terbuka dalam menghasilkan produk pada masa kini kerana banyak produk berteknologi mampu dibangunkan dalam negara.

Bagi menggalakkan golongan muda menceburi sektor perniagaan, MTDC turut memperkenalkan Program Symbiosis.

Semenjak program diperkenalkan, lebih daripada 70 syarikat ditubuhkan membabitkan kira-kira 100 usahawan muda dengan separuh daripada jumlah syarikat



"Sebagai usahawan kita tidak boleh bergantung kepada status usahawan Bumiputera kerana kalau kita ke luar negara untuk memperluaskan perniagaan, orang luar tidak memandang status kita sebaliknya kualiti produk yang kita hasilkan"

Norhalim Yunus,
Ketua Eksekutif MTDC

tersebut berjaya memasarkan produk mereka. Dengan bantuan khidmat nasihat daripada MTDC, syarikat sedang berusaha untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Program ini turut membabitkan pembabitkan enam universiti, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan satu institusi penyelidikan iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Di samping itu, untuk meningkatkan bilangan syarikat berteknologi di kawasan Utara, MTDC juga bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA).

Program ini juga membabitkan lebih daripada 100 penyelidik tempatan dan ia secara tidak langsung mengeratkan hubungan kerjasama antara industri dan universiti.

Dana pembiayaan realisasi cita-cita

Menerusi dana pengkomersialan yang diwujudkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), ratusan produk R&D sudah dikomersialkan dan ada yang sudah berjaya mendapat tempat di luar negara.

Menerusi pelan transformasi negara, Malaysia dijangka mencapai tahap negara berpendapatan tinggi dan mampu menjadi

pengeluar teknologi menjelang tahun 2020.

Sedia geran

Dalam usaha ini, kerajaan memperuntukkan dana pembiayaan arah merealisasikan cita-cita itu menerusi penggabungan dan penyelesaian komersial dengan menyediakan geran kepada syarikat berasaskan teknologi, dana, dan ruang untuk inkubasi menjadi sokongan kepada nilai tambah.

Ini termasuk Dana Sains, Dana Tekno, Dana Inno (Inovasi) dan Dana Prapengkomersialan yang merangkumi Dana Pemerolehan Teknologi (TAF) serta Dana Biotechnology Corporation.

Selain itu, Dana Pengkomersialan dan Penyelidikan dan Dana Pembangunan (CRDF), Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF), Dana Permulaan Perniagaan (BSF) dan Dana

Perkembangan Perniagaan (BGF).

Jalankan projek

Dana ini ditawarkan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi untuk menjalankan projek yang meliputi sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi, industri, teras sains dan teknologi.



Malaysia Berpotensi Eksport Produk Perubatan Halal Belgium - Dr Hilmi

Oleh Rosemarie Khoo Mohd Sani dan Nuramalina Ebrahim

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Malaysia boleh menjadi pusat mengeksport produk perubatan halal yang menggunakan teknologi dari Belgium, terutama ke negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata Malaysia, yang menguasai kira-kira 90 peratus pasaran perubatan halal di negara OIC, mempunyai kelebihan untuk berkembang sekiranya diberi peluang bekerjasama dengan pakar-pakar Belgium dalam bidang berkenaan.

"Malaysia melalui [Jabatan Standard Malaysia](#) baru-baru ini telah memperoleh sijil halal antarabangsa dari Turki yang diiktiraf oleh 57 buah negara OIC," katanya.

"Kami, di sektor perubatan, menggalakkan rakan dari Belgium datang ke sini dan mengeluarkan produk mereka di Malaysia, supaya kami boleh mengeksport produk ini ke negara OIC," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian di luar acara seminar yang diadakan sempena Misi Ekonomi Belgium ke Malaysia di sini Isnin.

Malaysia juga mahu bekerjasama dengan Belgium dalam menyediakan latihan untuk pakar perubatan Malaysia, katanya.

"Kita sekarang ini kekurangan pakar perubatan, jadi boleh gunakan peluang ini untuk belajar daripada kemajuan dan teknologi tinggi mereka dalam sektor perubatan," katanya.

-- BERNAMA

BiotechCorp lahir usahawan bioekonomi

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 NOV.

MALAYSIAN Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Bio-techCorp), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited melahirkan usahawan bumiputera dalam sektor bioekonomi.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi daya saing dan memacu sumbangan bioekonomi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, bioekonomi antara sektor berperanan penting menyumbang ke arah pembangunan ekonomi yang produktif, kompetitif dan inovatif seterusnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Pelaksanaan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) melibatkan pemindahan pengetahuan, latihan dan teknologi secara langsung daripada syarikat berasaskan bio kepada penduduk luar bandar terutamanya bumiputera bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian.

"BCDP menerusi teknologi pertanian terkini seperti pemilihan berpanduan penanda (marker-assisted selection) dan aplikasi

nutrisi berpandu (guided nutritive application) berpotensi menambahkan hasil dan kualiti pertanian," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Program berkenaan turut menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi melalui latihan usahawanan untuk melahirkan "Bio-Agropreneurs" bumiputera yang berdaya saing.

Setakat ini, tujuh projek perintis akan dilaksanakan termasuk projek penanaman stevia, herba bernilai tinggi, penternakan lebah, tenusu dan tiram di Kota Tinggi, Johor, Kuala Linggi, Melaka, Pasir Raja, Terengganu serta di Balik Pulau, Pulau Pinang.

Kerajaan juga melalui BiotechCorp telah menyediakan kemudahan kepada syarikat bioteknologi yang telah diiktiraf sebagai syarikat BioNexus untuk terus berkembang maju selaras dengan aspirasi negara di bawah Dasar Bioteknologi Nasional dan Program Transformasi Bioekonomi.

Menurut beliau, status BioNexus merupakan penganugerahan kepada syarikat berasaskan bioteknologi yang layak untuk menerima pelbagai insentif seperti pengecualian cukai, kebebasan pemilikan dan kemudahan pembiayaan.

Jelasnya, antara syarikat bumiputera berstatus BioNexus yang telah bertapak kukuh di arena bioteknologi itu adalah Microwell Bio



DR. MOHD. NAZLEE KAMAL

Solutions Sdn. Bhd. khusus dalam bidang penghasilan baja bio sementara Tropical Bioessence Sdn. Bhd., (pengeluaran minyak pati wangen).

"Bagi membolehkan pelbagai produk keluaran syarikat Bionexus dipasarkan kepada umum, BiotechCorp melalui program Bioshoppe telah memberi ruang dan peluang untuk memasarkan produk-produk keluaran syarikat ini di pasaran tempatan.

"Ia juga bertujuan meningkatkan penyertaan dan penglibatan bumiputera dalam sektor ekonomi berasaskan bio dan menyokong inisiatif kerajaan dalam memperkasakan agenda ekonomi bumiputera serta menyediakan lebih banyak ruang dan potensi di dalam sektor ini," katanya.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

BioNexus jana pelaburan lebih RM3.37 bilion

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Syarikat berstatus BioNexus diiktiraf oleh **Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp)** sehingga kini menjana lebih daripada AS\$1 bilion (RM3.37 bilion) nilai pelaburan yang diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bio-techCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, daripada jumlah itu, sebanyak AS\$0.81 bilion (RM2.63 bilion) jumlah pelaburan direalisasikan sehingga suku pertama 2014, meningkat 1.8 peratus daripada tahun sebelumnya.

Katanya, syarikat BioNexus mencatatkan perolehan sebanyak AS\$0.37 bilion (RM1.17 bilion) pada 2013 sementara untuk suku pertama 2014, 54.7 peratus daripada syarikat itu menghasilkan pendapatan sebanyak AS\$90.1 juta (RM291.7 juta).

Ujar beliau, setakat ini, 240 syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara telah diberi status BioNexus sekali gus mewujudkan pasaran khusus untuk produk yang boleh dikomersialkan.

"Lebih 50 peratus daripada mereka adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang bersedia untuk berkembang ke peringkat seterusnya manakala dua peratus sudah disenaraikan di bursa di Malaysia, Australia, United Kingdom serta Eropah.

"Syarikat berasaskan bio ini terdiri daripada 65 syarikat BioMedical (65 syarikat), AgBiotech (135 syarikat) dan BioIndustrial (40 syarikat) yang menikmati pelbagai insentif fiskal dan perkhidmatan kemudahan," katanya.

Syarikat yang ingin mendapat status BioNexus perlu mempunyai elemen penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kukuh selain dari aktiviti pengkomersilan produk dan perkhidmatan.

Elemen utama itu membolehkan syarikat BioNexus untuk terus berkembang dan sentiasa menggunakan teknologi terkini dalam penghasilan produk selain melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti eksport.

Menurutnya, selain itu, BioShop-

pe turut telah ditubuhkan di peringkat runcit untuk mempergiatkan kehadiran dan penerimaan pasaran terhadap produk penjagaan kesihatan berkaitan bioteknologi.

"Melalui kerjasama dengan syarikat BioNexus seperti NOVA Laboratories Sdn. Bhd. dan BIO Alpha melalui rangkaian Lifesprings Pharmacy, BiotechCorp menyediakan ruangan khas BioShoppe di dalam farmasi tersebut di bawah konsep kedai di dalam kedai," katanya.

Ujar beliau lagi, menerusi kerjasama syarikat dengan dan Perbadanan Nasional Bhd. (PNS), BioShoppe akan ditubuhkan melalui skim francais bagi menggalangkan lagi penyertaan usahawan bumiputera di dalam sektor itu.

Tambahnya, PNS berperanan memberi khidmat nasihat dari segi idea menjalankan perniagaan secara francais selain latihan francais dan skim pembiayaan kepada bakal pengurus serta francais BioShoppe turut disediakan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

BCF komersialkan produk Microwell Bio Solutions

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF) oleh Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) membantu Microwell Bio Solutions Sdn. Bhd. mengkomersialkan produknya, Groagro.

Ketua Pegawai Teknikal dan Pengarah Urusan Microwell, Md. Nasaruddin Abdullah (**gambar**) berkata, Groagro didaftarkan melalui Perbadanan Harta Intelekt Negara (MyIPO) dinilai oleh penilai antarabangsa di London dan England dengan anggaran bernilai RM2.5 juta buat masa ini.

Katanya, kemudahan pembiayaan diberikan kepada syarikat berstatus BioNexus yang layak sepertinya dengan kadar maksimum pembiayaan RM3 juta atau 90 peratus daripada jumlah keseluruhan projek menyokong pertumbuhan perniagaan syarikat.

Tambah beliau, struktur kemudahan BCF dalam bentuk pinjaman dan geran dengan nisbah 2:1

itu terbuka kepada syarikat yang dimiliki oleh warganegara Malaysia di seluruh negara adalah satu peluang besar buatnya.



Microwell merupakan syarikat berasaskan bioteknologi terlibat dalam penyelidikan dan pengkomersialan sektor pertanian khususnya penambahbaikan, pemuliharaan tanah, penghasilan baja bio serta perlindungan tanaman.

Selain dianugerahkan status BioNexus, Microwell antara syarikat bumiputera berprestasi tinggi (Teras) yang mendapat pengiktirafan di bawah SME 100 Awards bagi kategori 'Fast Moving Company' pada 2013.

Microwell bermula dengan menceburi penyelidikan dan pembangunan (R&D) tanaman padi di Felcra Seberang Perak pada 2007 kemudiannya dijemput melakukan demonstrasi R&D di Kuala Selangor di bawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

Plot kajian di Felcra Seberang

Perak dipilih menjadi padi benih oleh Felcra seterusnya teknologi itu dikesan oleh Johor Corporation (JCorp) untuk mereka memulakan R&D dalam bidang kelapa sawit khusus bagi mengawal penyakit Ganoderma.

Sehubungan itu, Microwell diberi kawasan seluas 5000 hektar (ha) bagi menjalankan R&D kelapa sawit di ladang milik JCorp sekaligus membolehkan syarikat mengumpul data dan menjalin kerjasama dengan Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) untuk membangunkan produk kajian bersama.

Pada tahun ini, Microwell menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama MPOB dalam membangunkan teknologi kawalan secara biologi terhadap penyakit Ganoderma pada tanaman kelapa sawit menggunakan bakteria 'endophytic'.

Projek berkenaan masih di peringkat pelaksanaan dan dijangka akan dilancarkan pada 2015 oleh pihak MPOB.

Berbekalkan data dan rekod kajian, Microwell telah dikenali dalam kalangan pemain industri pertanian dan perladangan serta industri baja sebagai antara syarikat berteraskan bioteknologi yang berjaya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

KOLAM ternakan sangkar kendalian JHR Aquaculture di Langkawi, Kedah.



JHR Aquaculture kaji mutu baka ikan

KUALA LUMPUR 24 Nov. - JHR Aquaculture Sdn. Bhd. antara syarikat berstatus Bionexus yang menjalankan kajian berterusan dalam meningkatkan penghasilan menghasilkan mutu baka ikan bernilai tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd. Razali Mohamed berkata, kajian berkenaan menyumbang kepada pengembangan bagi pasaran baka ikan keluarannya sehingga mereka perlu meluaskan lagi operasi bagi menampung permintaan yang tinggi.

Katanya, dalam usaha menghasilkan baka terbaik, kajian dan pengembangan perlu dilaksanakan dengan memanfaatkan bioteknologi serta jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan, **Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp).**

Menyedari potensi penternakan ikan marin yang semakin

berkembang pesat, JHR Aquaculture mengambil keputusan untuk melibatkan diri dalam mengusahakan ternakan ikan marin menggunakan bioteknologi.

Menurutnya, JHR Aquaculture ditubuhkan pada 2008 turut terlibat dalam aktiviti perniagaan dan pengkomersialan dalam sektor itu yang dilihat begitu cepat berkembang dan mencatatkan pertumbuhan.

Bagi tujuan itu, sebuah pusat penternakan pelbagai spesis anak ikan serta ikan dewasa telah dibina di Pulau Langkawi, Kedah.

JHR telah menunjukkan prestasi sangat memberangsangkan dalam penghasilan baka pelbagai spesis ikan seperti Kerapu Harimau (Tiger Grouper), Kerapu Gergasi (Giant Grouper), Kerapu Hibrid (hasil kacukan kerapu harimau dan kerapu gergasi), Kerapu Bintik (Coral Trout), Siakap (Barra-

mundi), Jenahak (John Snapper), Ikan Merah (Red Snapper) dan Ikan Bawal Emas (Golden Pompano).

Kegigihan JHR Aquaculture ternyata berbaloi kerana mereka kini berjaya menempatkan diri sebagai antara syarikat pengeluar baka ikan bernilai tinggi mendapat permintaan tinggi bukan sahaja di dalam malahan dari luar negara.

Dalam pada itu, BiotechCorp juetru telah memulakan suatu inisiatif baharu bagi membolehkan pelbagai produk keluaran syarikat-syarikat Bionexus dipasarkan kepada umum.

Berkonsepan sebuah inkubator pengkomersialan di alam nyata, inisiatif BioShope telah diperkenalkan pada tahun ini untuk memberi ruang dan peluang untuk syarikat-syarikat yang baru bertapak untuk menembusi pasaran.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

BioShoppe platform ke pasaran global

KUALA LUMPUR 24 Nov. - BioShoppe di Pavilion Malaysia sempena Persidangan Antarabangsa Bio 2014 di San Diego merupakan peluang terbaik untuk syarikat berstatus BioNexus menjalin kerjasama dengan pemain industri global.

Penglibatan Tropical Bioessence Sdn. Bhd. (TBE) pada persidangan itu memberi impak besar terhadap permintaan bagi produk jenama SUTRA mereka yang berjaya menarik minat negara seperti Amerika Syarikat, Colombia, Korea Selatan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pengarah Urusan TBE, Mohd. Khairil Said berkata, produk SUTRA telah dipasarkan ke Singapura menerusi Tropical Bioessence (5) Ptd. Ltd. berikutan prestasi cemerlang dalam pengeluaran minyak pati wangian, ekstrak herba dan produk hiliran berasaskan minyak pati itu.

Katanya, TBE merupakan syarikat milik bumiputera dengan premis pengeluaran berskala komersial di Masjid Tanah, Melaka yang diiktiraf dengan persijilan ISO 9001:2008, Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan mempunyai sijil halal ketika ini giat meneroka pasaran luar negara di Hong Kong, Brunei, Macau dan Arab Saudi.

Syarikat berkenaan menjalankan pertanian secara kontrak untuk memastikan bekalan bahan mentah mencukupi dan memberi peluang kepada petani di sekitar Melaka menjana pendapatan hasil kitaran rantaian ekonomi di sektor bioteknologi.



MOHD. KHAIRIL SAID melayan pertanyaan pelanggan di kedai TBE di Melaka.

Tambahnya, TBE ketika ini berusaha menubuhkan institut formulasi produk kecantikan dan kesejahteraan supaya mengukuhkan lagi kedudukan mereka sebagai syarikat Bionexus berteraskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah berjaya mengkomersialkan produk keluarannya.

Kajian berterusan dijalankan mereka telah berjaya memanfaatkan pelbagai tumbuhan dari biodiversiti negara dalam menghasilkan pelbagai minyak pati termasuk serai wangi, pandan, kayu manis dan tumbuhan-tumbuhan aromatik.

TBE menawarkan tiga kategori produk utama jenama SUTRA iaitu

produk aroma terapi, wangian dan produk berlandaskan kesejahteraan yang mempunyai lebih 50 jenis produk melebihi 50.

Dengan rangkaian pengedaran yang besar iaitu lebih 700 ejen di seluruh Malaysia, TBES menyasarkan pertumbuhan rangkaian pengedarannya kepada 1000 ejen pada akhir 2014.

Sasaran itu berdasarkan permintaan baik daripada pengguna produk tersebut justeru angka itu dijangka akan terus bertambah pada 2015 disokong dengan rancangan pengenalan produk baharu yang menepati cita rasa pengguna tempatan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)



SHAFIE ABDUL MAJID (kiri) memberi penerangan tentang penternakan kambing Boer di ladang ternakan di Masjid Tanah, Melaka.

KLAS Farm hasil baka Boer tempatan

KUALA LUMPUR 24 Nov. - KLAS Farm Sdn. Bhd. (KLAS Farm) berstatus BioNexus telah berjaya menghasilkan kambing baka Boer F4/F5 kelahiran tempatan yang mempunyai daya tahan serta diadaptasi untuk ternakan di Malaysia pada 2013.

Pengarah Eksekutifnya, Ir. Shafie Abdul Majid berkata, kambing Boer sememangnya dikenali seluruh dunia dengan kadar pertumbuhan yang sekata dan cepat membesar selain kualiti daging bermutu tinggi.

Katanya, KLAS Farm menyedari masalah penternakan kambing Boer import justeru menjalankan kajian mendalam sehingga berjaya menghasilkan kambing Boer kelahiran tempatan sesuai dengan cuaca dan persekitaran Malaysia.

Syarikat bumiputera itu bergiat aktif dalam penternakan kambing dengan menggunakan kaedah pernian beradas sejak 2009 dalam penghasilan kambing baka Boer kemudian mengorak langkah melaksanakan konsep pertanian integrasi.

Bermula hanya sebagai sebuah

ladang tradisi, KLAS Farm memperoleh status Bionexus pada 2010 meneruskan kajiannya dalam penaiktarafan baka Boer seterusnya membuka ladang pembiakan di Bukit Apit, Masjid Tanah, Melaka.

KLAS Farm meneruskan penyelidikan mereka dalam penghasilan makanan khas (creep feed) bermutu tinggi dan telah memperoleh Sijil Amalan Ladang Ternakan (SALT) serta status ladang bebas penyakit.

Melalui pembukaan Pusat Jualan Kambing KLAS Farm di ladang Kg. Paya Rumput, Melaka, mereka telah membuktikan bahawa usaha dijalankan dalam penyelidikan baka Boer membuahkan hasil cemerlang.

Ia amat bertepatan dengan aspirasi negara untuk meningkatkan penghasilan ternakan di samping mengurangkan aliran wang keluar untuk mengimport daging dari luar negara.

KLAS Farm turut diiktiraf kemahirannya dan telah bekerjasama dengan Jabatan Veterinar Negeri Melaka untuk menjadi mentor bagi para usahawan yang ingin

berkecimpung dalam bidang penternakan melalui program khas diperkenalkan tahun ini.

Selain konsep penternakan kambing berdaya tahan dan bermutu tinggi, KLAS Farm juga giat menghasilkan baja organik dan bio nutrien seperti mikrob berfaedah (EM) Bokashi yang digunakan dalam pemakanan ternakan.

Usaha gigih KLAS Farm itu melambangkan komitmen berterusan mereka mengusahakan ladang ternakan bebas penyakit yang membuka lembaran baharu bagi penternak jaya bumiputera menggunakan teknologi berasaskan bioteknologi.

Kegigihan syarikat itu bukan sahaja dapat melatih usahawan dalam penternakan kambing tetapi juga sebagai program pembangunan masyarakat yang sangat efektif dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar serta mewujudkan ladang penternakan kambing secara komersial bagi menampung bekalan kambing negara.



Kolaborasi Sekolah Dan Ibu Bapa Capai Kecemerlangan - Raja Muda

KANGAR, 24 Nov (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menitahkan pengurusan sekolah dan ibu bapa supaya berkolaborasi dan sentiasa bermusyawarah sebagai jalan untuk mencapai kecemerlangan.

Pendekatan itu dapat mengelak perbalahan dan salah faham antara ibu bapa atau penjaga dengan pihak sekolah apabila membabitkan isu murid seperti masalah disiplin, titah baginda.

"Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta pengurusan sekolah perlu memberi perhatian terhadap persekitaran pembelajaran yang kondusif, sistem pembelajaran yang konsisten serta menyuntik semangat agar murid-murid sentiasa fokus terhadap matlamat mereka," titah baginda semasa merasmikan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera di sini hari ini.

Pada majlis itu, Puteri kedua baginda, Sharifah Farah Adriana Jamalullail yang mendapat 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013 turut menerima anugerah pelajar cemerlang bersama 42 pelajar lain.

Muhammad Nabhan Mohd Mizan dianugerahkan Tokoh Seri Indera Cemerlang 2014 bagi kategori lelaki manakala Raidah Thaqiifah Zamri kategori perempuan.

Pada satu lagi majlis, Tuanku Syed Faizuddin bertitah ilmu yang baik hendaklah digunakan untuk kesejahteraan manusia dan menambah nilai hidup menjadi lebih sempurna bagi diri, keluarga dan masyarakat.

Baginda bertitah demikian pada istiadat konvokesyen ke-7 Kolej Antarabangsa Teknologi dan Profesional Perlis Malaysia (KATPM) 2014, di Dewan 2020 di sini.

Baginda gembira kerana kolej itu diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh United Kingdom Accreditation Services (UKAS) selain lulus Audit Pematuhan Sistem Kerja MS ISO 9001:2008 oleh [SIRIM Malaysia](#) bagi kali ke-9 berturut-turut.

Di samping itu KATPM mendapat pengiktirafan Malaysian Qualification Agency (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi semua program yang ditawarkan, titah baginda.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (R.AGE) : MUKA SURAT 07
TARIKH: 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

CyberSecurity
MALAYSIA

MOSTI
KOMISIYAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
KEMENTERIAN KEMAMPUAN DIGITAL
KEMENTERIAN KEMAMPUAN DIGITAL



**MALAYSIA
CYBER
SECURITY
AWARDS**

Congratulations

To all the recipients of the prestigious
Malaysia Cyber Security Awards 2014 from

HIS ROYAL HIGHNESS

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

SULTAN OF PERAK DARUL RIDZUAN



TRUSTED & SECURED ECOSYSTEM

CYBER SECURITY PROFESSIONAL OF THE YEAR

Dato' Seri George Chang, *Vice President Southeast Asia & Hong Kong, Fortinet*
Clement Arul, *Chief Technology Officer, MegaFortris*
Chief Executive Officer, Kaapagam Technologies

CYBER SECURITY COMPANY OF THE YEAR

BAE Systems Applied Intelligence

CYBER SECURITY PROJECT OF THE YEAR

Employees Provident Fund (EPF) - Data Loss Prevention

CYBER SECURITY ORGANIZATION OF THE YEAR

Huawei Technologies
Technology Park Malaysia

CYBER SECURITY EDUCATION & TRAINING PROVIDER OF THE YEAR

Kaapagam Technologies
HeiTech Padu Berhad

CYBER SECURITY OUTREACH PROVIDER OF THE YEAR

Cyber Crime & Multimedia Investigation, Commercial Crime Investigation Department,
Royal Malaysia Police (RMP)
Girl Guides Association Malaysia (GGAM)

CYBERSAFE AMBASSADOR OF THE YEAR

Inspector Mohd Faizal Bin Zainal - Royal Malaysia Police (RMP)
Nasri bin Nasir - Galeri Ilmu Sdn Bhd
Joyce Ong Choon Kim - Girl Guides Association Malaysia (GGAM)



Corporate Office:

CyberSecurity Malaysia, Level 5, Sapura@Mines, No 7, Jalan Tasik, The Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan | Tel: +603 - 8992 6888 | Fax: +603 8992 6841
Email: info@cybersecurity.my | Customer Service Hotline: 1300-88-2999 | www.cybersecurity.my